

# PM tegaskan memang wujud keganasan ekonomi

BH 4 AUG 2002

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan memang ada negara kaya terbabit dalam keganasan ekonomi dan negara membangun harus mempunyai pendirian bersama untuk menanganinya.

“Saya hanya menyebutnya (sebuah negara kaya secara tidak adil merebut pelaburan besar yang sepatutnya datang ke Malaysia) sebagai satu contoh (keganasan ekonomi).”

“Namun ia memang benar-benar berlaku,” katanya se-

lepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe pada waktu rehat ketika Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) di Pantai Cenang, di sini semalam.

Apabila ditanya mengenai laporan *Berita Harian* semalam kemungkinan Australia dan Singapura terbabit dalam contoh tindakan kegiatan ekonomi yang diberikan itu, Perdana

Menteri berkata: “Saya tidak tahu.”

Dr Mahathir pada perasmian LID-Global 2002 Khamis lalu mendedahkan Malaysia menjadi mangsa kepada tindakan keganasan ekonomi apabila sebuah negara kaya menghalang pelaburan bernilai beratus juta dolar ke Malaysia.

Tanpa menyebut nama negara berkenaan, Perdana Menteri memberikan contoh, sebuah negara kaya menawarkan AS\$200 juta dan pelbagai faedah isti-

mewa lain untuk memastikan pelaburan yang dicadangkan ke negara ini berpindah ke negara mereka.

Pada sidang akhbar semalam, Dr Mahathir berkata banyak negara dan kadang kala negeri dan majlis perbandaran membuar tawaran tanah percuma dan memberi subsidi kepada modal yang diperlukan semata-mata untuk menarik pelaburan langsung (FDI).

“Negara membangun kini terpaksa bersaing dengan negara

maju untuk menarik FDI ini.

Namun persaingan ini tidak adil kerana kita tidak mampu menawarkan apa yang mereka (negara kaya) menawarkan,” katanya.

Mengenai cara terbaik untuk menangani keganasan ekonomi, beliau berkata masalah itu perlu difahami terlebih dulu dan seterusnya negara membangun harus mempunyai pendirian bersama berhubung pendekatan yang akan diambil untuk mengatasinya.